

***'Itab Al-Rasul* sebagai Pedagogi Rabbani: Analisis Tafsir Tarbawi dalam Karya Dr. Salah 'Abd Al-Fattah Al-Khalidi dan Implikasinya terhadap Pendidikan Islam**

('Itab al-Rasul as Divine Pedagogy: An Educational Exegetical Analysis of Dr. Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi's Work and Its Implications for Islamic Education)

Shamsiah binti Daud

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan

Mohd Yusri bin Yusuf

SK Bukit Kenak, Besut, Terengganu

Abstrak

Artikel ini meneliti konsep *'Itab al-Rasul*, iaitu teguran Ilahi terhadap Rasulullah SAW yang dirakamkan dalam al-Qur'an, dengan menumpukan perhatian kepada analisis tafsir tarbawi dalam karya Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi, *'Itab al-Rasul fi al-Qur'an: Tahlil wa Tawjih*. Permasalahan kajian berasaskan kekeliruan sebahagian masyarakat moden yang memahami ayat-ayat *'itab* secara literal sehingga menimbulkan salah faham terhadap konsep kemaksuman Rasulullah SAW serta mengaburkan dimensi pendidikan yang terkandung di sebalik teguran Ilahi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menghuraikan konsep *'Itab al-Rasul* menurut al-Khalidi dan mufassir klasik. Kajian ini juga membandingkan pendekatan tafsir al-Khalidi dengan al-Tabari, al-Qurtubi dan Ibn Kathir. Seterusnya merumuskan implikasi pedagogi daripada ayat-ayat *'itab* dalam konteks pendidikan Islam kontemporari. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan secara kualitatif terhadap karya utama al-Khalidi, disertai perbandingan terpilih dengan tafsir klasik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa *'Itab al-Rasul* bukan bersifat celaan, sebaliknya merupakan manifestasi pedagogi rabbani yang berasaskan rahmah, hikmah dan pembinaan akhlak kenabian. Pendekatan tafsir tarbawi al-Khalidi memperluas wacana *'itab* daripada perbahasan teologis kepada kerangka pendidikan yang reflektif, empatik dan berorientasikan memperbaiki diri. Implikasi kajian memperlihatkan bahawa ayat-ayat *'itab* berpotensi dijadikan asas pembinaan budaya teguran beradab, muhasabah dan komunikasi pendidikan yang memuliakan insan, khususnya dalam latihan guru dan pembentukan insan rabbani.

Kata kunci: *'Itab al-Rasul*, Tafsir Tarbawi, Pedagogi Rabbani, Salah al-Khalidi, Pendidikan Islam

Abstract

This article examines the concept of *'Itab al-Rasul*, namely divine admonition addressed to the Prophet Muhammad SAW in the Qur'an, with particular reference to the educational exegetical analysis found in Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi's work, *'Itab al-Rasul fi al-Qur'an: Tahlil wa Tawjih*. The study addresses the misunderstanding among some contemporary readers who interpret the verses of *'itab* too literally, leading to confusion regarding the infallibility of the Prophet SAW and neglecting the educational dimension underlying divine admonition. This study aims to explain the concept of *'Itab al-Rasul* according to al-Khalidi and selected classical exegetes, compare al-Khalidi's approach with those of al-Tabari, al-Qurtubi, and Ibn Kathir, and identify its pedagogical implications for contemporary Islamic education. Using a qualitative content analysis method, the study finds that *'Itab al-Rasul* is not condemnatory in nature, but rather reflects a form of divine pedagogy grounded in mercy, wisdom, and the formation of prophetic character. Al-Khalidi's educational exegetical approach broadens the discourse of *'itab* from a theological discussion into a reflective and reform-oriented educational framework. The study further highlights the potential of these verses in cultivating ethical admonition, self-reflection, and dignified educational communication, especially in teacher training and the formation of *insan rabbani*.

Keywords: *'Itab al-Rasul*, Educational Exegesis, Divine Pedagogy, Salah al-Khalidi, Islamic Education

Article Progress

Received: 09 January 2026

Revised: 23 January 2026

Accepted: 09 February 2026

1. PENGENALAN

Konsep *'Itab al-Rasul* merupakan salah satu aspek penting dalam al-Qur'an yang memperlihatkan hubungan pendidikan, kasih sayang, dan bimbingan Allah SWT terhadap Nabi Muhammad SAW. Dari sudut bahasa dan penggunaannya dalam wacana al-Quran, *'itab* merujuk kepada teguran yang bersifat mendidik, halus, dan berhikmah, bukan celaan yang merendahkan martabat. Oleh itu, ayat-ayat *'itab* terhadap Rasulullah SAW tidak wajar difahami sebagai petunjuk kelemahan moral atau kekurangan peribadi Baginda, sebaliknya perlu dibaca sebagai manifestasi *ta'dib* Ilahi yang mengangkat maqam kenabian, memperhalus pelaksanaan amanah risalah, dan membimbing umat melalui contoh yang paling sempurna (Hassan, 2022).

Dalam wacana moden, ayat-ayat *'itab* kadangkala menimbulkan kekeliruan apabila dibaca secara literal tanpa mengambil kira konteks wahyu, tujuan teguran, disiplin tafsir, dan kerangka kemaksuman Rasulullah SAW. Keadaan ini bukan sahaja membuka ruang kepada salah faham terhadap kedudukan Rasulullah SAW, malah boleh mengaburkan hikmah pendidikan yang tersirat di sebalik teguran Ilahi. Hal ini selari dengan perbincangan al-Janabi (2014), yang menunjukkan bahawa sebahagian isykalat terhadap konsep kemaksuman Rasulullah SAW timbul daripada pembacaan teks al-Quran yang tidak ditangani melalui pendekatan analisis makna yang cermat dan metodologi yang tepat. Justeru, ayat-ayat *'itab* menuntut penelitian yang berdisiplin agar prinsip kemaksuman terus terpelihara dan kefahaman terhadap maqasid teguran dapat dijelaskan secara ilmiah (al-Janabi, 2014).

2. OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan konsep *'Itab al-Rasul* menurut Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi dan *mufasssir* klasik. Membandingkan pendekatan tafsir al-Khalidi dengan pendekatan al-Tabari, al-Qurtubi dan Ibn Kathir dan merumuskan nilai pedagogi serta relevansi *'Itab al-Rasul* dalam konteks pendidikan Islam kontemporari.

Sumbangan dan keaslian kajian ini terletak pada penegasan bahawa *'Itab al-Rasul* wajar dibaca sebagai pedagogi rabbani yang membina kesedaran moral dan spiritual, bukan hanya sebagai wacana teologis mempertahankan kemaksuman. Dalam konteks pendidikan Islam kontemporari, penelitian ini berpotensi memperkukuh kefahaman tentang budaya menerima nasihat, menghayati muraqabah dan membina etika komunikasi pendidikan, khususnya dalam hubungan guru dan pelajar.

3. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis kandungan terhadap hujah, susunan tema dan orientasi tarbiah dalam karya al-Khalidi. Analisis ini diperkukuh melalui perbandingan terpilih dengan tafsir klasik bagi mengenal pasti titik persamaan dan perbezaan pendekatan. Fokus metodologi ialah menelusuri bagaimana al-Khalidi menstrukturkan ayat-ayat *'itab* sebagai kerangka didikan Ilahi yang menzahirkan prinsip rahmah, hikmah dan muhasabah, serta bagaimana dimensi tersebut dapat dirumuskan dalam kerangka pendidikan Islam semasa.

4. KAJIAN LITERATUR

4.1 Latar Belakang Intelektual Dr. Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi

Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi Rahimahullah merupakan antara tokoh mufasssir kontemporari yang menonjol dalam bidang tafsir tematik dan menekankan dimensi tarbiah al-Qur'an. Beliau dilahirkan di Janin, Palestin pada tahun 1947 dan menerima pendidikan awal di Damsyik, Syria. Dalam jalur

pembinaan intelektualnya, beliau dipengaruhi oleh Sa'id Hawwa yang memberi penekanan terhadap aspek tarbiah ruhiyyah dan pembinaan insan melalui al-Qur'an (Umar, 2005).

Dari segi pengajian formal, al-Khalidi memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah di Universiti Damsyik, seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam bidang Tafsir dan 'Ulum al-Qur'an di universiti yang sama. Tesis kedoktorannya bertajuk *Sayyid Qutb wa al-Tafsir al-Fanni fi al-Qur'an* kemudian diterbitkan dan menjadi rujukan penting dalam kajian tafsir moden (al-Khalidi, 2012).

Dari segi kerjaya ilmiah, al-Khalidi berkhidmat sebagai pensyarah di beberapa institusi pengajian tinggi di Jordan dan dikenali sebagai penulis yang produktif dalam bidang tafsir, tarbiah dan pemikiran Islam. Antara karya penting beliau ialah *Itab al-Rasul fi al-Qur'an: Tahlil wa Tawjih, Manhaj al-Tarbiyah al-Qur'aniyyah, al-Tafsir al-Mawdu'i bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq, Kayfa Nata'amal ma'a al-Qur'an al-'Azim* dan *Tadabbur al-Qur'an al-Karim*.

Beliau terkenal dengan gaya penghuraian yang jelas dan tersusun, dengan penekanan terhadap dimensi tarbiah serta pembinaan rohani dalam teks wahyu. Dalam konteks kajian ini, kekuatan al-Khalidi terserlah apabila beliau menampilkan *Itab al-Rasul* bukan sekadar sebagai peristiwa teguran, tetapi sebagai bentuk didikan Ilahi yang membentuk qudwah Rasulullah SAW serta menjadi pedoman tarbiah kepada umat (Umar, 2005).

Karya beliau *Itab al-Rasul fi al-Qur'an: Tahlil wa Tawjih*, dapat dianggap antara usaha komprehensif yang meneliti ayat-ayat *'itab* melalui kerangka analitik (*tahlili*) dan pendidikan (*tawjihi*). Al-Khalidi menghimpunkan lebih daripada dua puluh ayat teguran Ilahi serta menegaskan bahawa *'itab* bukan kecacatan pada kenabian, sebaliknya bukti kesempurnaan bimbingan wahyu terhadap Rasulullah SAW (Al-Khalidi, 2013).

Dalam perbahasan moden, al-Khalidi juga menolak tafsiran orientalis tertentu yang menanggapi ayat-ayat *'itab* sebagai indikator kelemahan peribadi Nabi. Sebaliknya, beliau berhujah bahawa ayat-ayat teguran itu mengukuhkan integriti wahyu dan kebenaran kenabian kerana al-Qur'an merakamkan pembedahan terhadap Rasulullah SAW secara terbuka (al-Khalidi, 2013). Pada masa yang sama, beliau menonjolkan bahawa *'itab* merupakan sebahagian daripada *al-tarbiyah al-rabbaniyyah*, iaitu didikan Ilahi yang mengandungi hikmah tarbiah untuk umat melalui qudwah Rasulullah SAW.

Al-Khalidi membahagikan ayat-ayat *'itab* kepada beberapa ruang tema utama, iaitu tema teguran dalam strategi dakwah dan keutamaan sasaran, tema teguran dalam urusan peribadi dan rumah tangga, tema teguran dalam pengurusan umat serta keputusan yang melibatkan kemaslahatan umum dan tema teguran dalam sikap terhadap golongan munafiq dan musyrik. Pengkategorian ini memperlihatkan ciri tafsir tematik yang tersusun dan menghubungkan maksud ayat kepada prinsip pembinaan karakter, disiplin keputusan dan ketelitian etika kepimpinan (Al-Khalidi, 2013).

Al-Khalidi juga dianggap sebagai seorang mufassir kontemporari yang mengintegrasikan tafsir, dakwah dan tarbiah dalam kerangka pemikirannya. Pendekatan beliau terhadap al-Qur'an tidak terbatas pada analisis makna secara akademik, tetapi turut menampilkan komitmen yang jelas terhadap pembinaan ummah dan pembentukan jiwa. Karya-karyanya secara konsisten memperlihatkan hubungan antara tafsir, pendidikan ruhiyyah, pembinaan adab dan pengarah amal. Dalam konteks ini, karya beliau tentang *Itab al-Rasul* memperoleh signifikansi yang lebih mendalam kerana lahir daripada kerangka yang memahami al-Qur'an sebagai wahyu yang mendidik, bukan sekadar teks yang ditafsirkan. Oleh itu, ketokohan al-Khalidi wajar dinilai bukan sahaja

berdasarkan produktiviti ilmiahnya, tetapi juga berdasarkan keupayaannya menghubungkan disiplin tafsir dengan misi dakwah dan tarbiah umat secara bersepadu (Abu ‘Ubaydah, 2022; Umar, 2005).

4.2 Kajian Klasik tentang *‘Itab al-Rasul*

Dalam tradisi tafsir klasik, para mufassir menekankan bahawa ayat-ayat *‘itab* perlu difahami dalam konteks wahyu dan maqam kenabian, bukan sebagai celaan terhadap peribadi Rasulullah SAW. Imam al-Tabari (2001), misalnya, memberi penekanan terhadap analisis bahasa dan riwayat *asbab al-nuzul* dalam memahami ayat-ayat teguran seperti Surah ‘Abasa, al-Tawbah dan al-Tahrim. Huraian beliau memperlihatkan bahawa *‘itab* merupakan tanda perhatian Ilahi terhadap strategi dakwah dan pengurusan risalah, bukan tuduhan moral terhadap Rasulullah SAW.

Imam al-Qurtubi (1967) pula menonjolkan dimensi adab dan kemuliaan Rasulullah SAW apabila mentafsirkan ayat-ayat *‘itab*. Beliau menegaskan bahawa teguran Ilahi ialah manifestasi kasih sayang dan pengangkatan maqam Rasulullah SAW kerana kedekatan spiritual Baginda menyebabkan setiap tindakan dan keputusan Baginda sentiasa berada di bawah bimbingan wahyu. Dalam kerangka ini, *‘itab* difahami sebagai mekanisme *ta’dib al-Nubuwwah* yang memperhalus akhlak dan mendisiplinkan keputusan dalam rangka risalah.

Manakala Ibn Kathir (1999) menegaskan bahawa *‘itab* tidak menjejaskan kemaksuman Rasulullah SAW, bahkan mengandungi pengajaran kepada umat agar sentiasa bermuhasabah dan menerima pembetulan. Penekanan beliau terhadap riwayat hadis dan *athar* sahabat memperlihatkan kehalusan susunan ungkapan wahyu, khususnya apabila unsur rahmah mendahului teguran.

Secara keseluruhan, tafsir klasik menampilkan *‘itab* dalam kerangka *riwayah*, bahasa, hukum dan *adab*. Namun, kebanyakan huraian klasik cenderung memberi fokus kepada penjelasan makna, sebab turun ayat dan kesimpulan hukum atau adab, berbanding pengembangan implikasi tarbiah secara sistematik untuk konteks pendidikan kontemporari.

4.3 Kajian Pendidikan dan Nilai Tarbiah daripada Teguran Ilahi

Beberapa sarjana moden menghuraikan dimensi tarbiah dalam ayat-ayat teguran Ilahi walaupun perbincangan mereka tidak semestinya bertajuk khusus *‘Itab al-Rasul*. Bint al-Shati’ (1970), dalam *al-Tafsir al-Bayani li al-Qur’an al-Karim*, menegaskan bahawa teguran Allah kepada Rasulullah SAW menzahirkan pendidikan rohani yang membina adab dakwah serta menanam kesedaran muraqabah dan tanggungjawab terhadap amanah wahyu. Muhammad al-Ghazali (1991) pula melihat teguran sebagai proses penyucian jiwa yang membimbing keseimbangan emosi dan akal dalam membuat keputusan.

Sayyid Qutb (1986), dalam karangannya yang masyhur *Fi Zilal al-Qur’an*, menampilkan *‘itab* sebagai madrasah tarbiah imaniyyah yang membina kesedaran tentang beban risalah, disiplin hati dan kebergantungan penuh kepada Allah SWT. Kesemua pendekatan ini memperkukuh gagasan bahawa teguran Ilahi bukan bertujuan merendahkan, tetapi mengangkat martabat insan melalui proses bimbingan, pembetulan dan pemurnian, selari dengan kerangka al-Khalidi dalam menafsirkan *‘itab* sebagai pendidikan rabbani.

Selain itu, penelitian terhadap ayat-ayat *‘itab* tidak seharusnya terhenti pada usaha menjawab kekeliruan akidah semata-mata, bahkan perlu diperluas kepada dimensi tarbiah dan dakwah yang terkandung di dalamnya. Kajian al-‘Alimi (2023) menunjukkan bahawa teguran Ilahi terhadap para rasul mengandungi nilai pendidikan dan dakwah yang besar, termasuk unsur pembinaan adab, ketepatan pertimbangan, dan bimbingan ke arah pilihan yang lebih utama. Dari sudut ini, ayat-ayat *‘itab* terhadap Rasulullah SAW boleh difahami sebagai wahana pendidikan rabbani yang bukan

sahaja memuliakan Baginda, bahkan membentuk panduan akhlak dan pemikiran bagi umat Islam sepanjang zaman (Al-'Alimi, 2023).

Di samping itu, sebahagian kajian kontemporari menekankan bahawa perekodan *'itab* terhadap Rasulullah SAW menjadi indikator penting tentang ketulenan wahyu. Al-Qur'an tidak disusun untuk membela diri secara manusiawi, sebaliknya menegaskan kebenaran dan prinsip tarbiah walaupun melibatkan pembetulan terhadap Baginda Rasulullah SAW (Rima Annisa & Zulihafnani, 2020). Dalam kerangka pendidikan Islam, hujah ini memberi asas bahawa teguran perlu dilihat sebagai proses membina insan, bukan penghinaan.

Berdasarkan sorotan literatur ini, dapat dirumuskan bahawa tafsir klasik meletakkan asas penting dalam memelihara kefahaman tentang maqam kenabian melalui riwayat, bahasa dan adab, manakala karya al-Khalidi memperluas perbincangan *'itab* melalui orientasi tarbiah yang lebih tersusun dan tematik. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan untuk mengemukakan analisis yang lebih terarah tentang bagaimana ayat-ayat *'itab* dapat dirumuskan sebagai kerangka pedagogi rabbani yang boleh diaplikasikan dalam pendidikan Islam kontemporari. Jurang inilah yang diisi oleh kajian ini.

5. ANALISIS KANDUNGAN DAN PERBANDINGAN TAFSIR KLASIK

5.1 Analisis Kandungan Karya Salah al-Khalidi

Karya *'Itab al-Rasul fi al-Qur'an: Tahlil wa Tawjih* menghimpunkan lebih daripada dua puluh ayat yang mengandungi teguran Ilahi terhadap Rasulullah SAW, lalu diuraikan melalui dua orientasi utama, iaitu *tahlili* dan *tawjihi*. Dalam kerangka al-Khalidi, ayat-ayat *'itab* perlu difahami berasaskan dua prinsip iaitu pertama, teguran tersebut bukan berbentuk celaan atau penghinaan, sebaliknya suatu *ta'dib* Ilahi yang memuliakan maqam kenabian. Kedua, teguran mengandungi hikmah tarbawi yang berfungsi mendidik umat agar meneladani sikap Rasulullah SAW dalam menerima bimbingan serta melakukan muhasabah.

Melalui analisis tematik, Al-Khalidi (2013) mengemukakan pengkategorian yang tersusun bagi menonjolkan keluasan bimbingan wahyu terhadap Rasulullah SAW. Pengkategorian ini memperlihatkan bahawa *'itab* bukan peristiwa terpencil, sebaliknya membentuk kerangka pedagogi rabbani yang berulang dalam konteks dakwah, peribadi, kepimpinan umat dan hubungan sosial.

i. Teguran dalam strategi dakwah dan keutamaan sasaran. Surah 'Abasa (ayat 1–11) sebagai contoh menegaskan bahawa nilai insan di sisi Allah bukan ditentukan oleh kedudukan sosial, tetapi oleh keterbukaan hati terhadap hidayah. Dari sudut pendidikan, hal ini membentuk prinsip keadilan pedagogi, iaitu pendidik wajar mengutamakan keperluan pembelajaran dan keikhlasan murid, bukan latar sosial atau prestij tertentu (Al-Khalidi, 2013).

ii. Teguran dalam urusan peribadi dan rumah tangga. Dalam Surah al-Tahrim (ayat 1–5) menunjukkan bahawa keputusan peribadi Rasulullah SAW yang bertujuan memelihara keharmonian tetap memerlukan bimbingan wahyu agar keseimbangan antara emosi dan tuntutan syarak terpelihara. Dalam konteks pendidikan, dimensi ini mengajarkan prinsip keseimbangan, disiplin diri dan etika profesional.

iii. Teguran dalam pengurusan umat serta keputusan berkepimpinan. Surah al-Anfal (ayat 67) memperlihatkan bahawa kepimpinan Islam dibina atas pertimbangan taqwa, objektif syariah dan keutamaan nilai, bukan semata-mata manfaat jangka pendek. Dari sudut pedagogi, dimensi ini menjadi asas pendidikan kepimpinan beretika yang menekankan akauntabiliti moral.

iv. Teguran dalam sikap terhadap golongan munafiq dan musyrik. Surah al-Tawbah (ayat 43) menonjolkan adab teguran Ilahi melalui susunan ungkapan yang mendahulukan rahmah sebelum pembetulan. Dalam konteks pendidikan, pendekatan ini signifikan sebagai asas komunikasi didik kerana teguran yang berkesan ialah teguran yang memelihara maruah, membina kesedaran dan mendorong kepada pembaikan.

Secara keseluruhan, pendekatan al-Khalidi memindahkan perbincangan *'itab* daripada sekadar mempertahankan kemaksuman kepada pembinaan kefahaman bahawa wahyu juga berfungsi sebagai madrasah tarbiah yang mendidik Rasulullah SAW dan umat. Dengan itu, *'Itab al-Rasul* dapat dirumuskan sebagai model pedagogi rabbani yang menekankan rahmah, hikmah, disiplin moral dan muhasabah berterusan (Al-Khalidi, 2013).

5.2 Perbandingan dengan Tafsir Klasik

Perbandingan ini bertujuan menilai bagaimana mufassir klasik menanggapi ayat-ayat *'Itab* dari sudut metodologi, fokus huraian dan penekanan nilai, seterusnya memperlihatkan di mana letaknya nilai tambah al-Khalidi dari sudut tarbiah dan pendidikan.

i. Al-Tabari (w. 310 H) - *Jami' al-Bayan*

Al-Tabari (2001) menampilkan pendekatan tafsir yang berasaskan *riwayah*, analisis bahasa dan *asbab al-nuzul* dalam menghuraikan ayat-ayat *'itab*, termasuk Surah 'Abasa. Fokus utama beliau tertumpu pada penjelasan makna lafaz, *riwayat* sahabat dan latar sejarah peristiwa, sekali gus mengukuhkan asas pemaknaan teks dan penentuan konteks. Dari sudut watak teguran, al-Tabari mentafsirkan *'itab* sebagai penjelasan wahyu terhadap situasi tertentu, bukan sebagai celaan yang menjejaskan maqam Rasulullah SAW. Dari sudut orientasi aplikasi pula, tafsiran beliau lebih menjurus kepada pemahaman maksud ayat dan konteks peristiwa, tanpa mengembangkan secara langsung dimensi pedagogi secara sistematik. Sebaliknya, al-Khalidi (2013) memperluas tafsiran tersebut kepada dimensi tarbiah dengan menampilkan ayat-ayat *'itab* sebagai asas pendidikan rabbani, pembinaan qudwah dan pengukuhan hikmah dalam proses mendidik umat. Dalam konteks pendidikan moden, Al-Khalidi memperkayakan dimensi ini dengan menambah unsur psikologi dan nilai pendidikan dalam tafsiran ayat, menjadikan teks Qur'ani sebagai sumber *madrasah al-ta'lim al-rabbani* (Zuraidah & Zainal, 2021).

Jadual 1: Perbandingan Tafsir Al-Tabari dan pandangan Al-Khalidi

Aspek	Fokus al-Tabari	Pandangan al-Khalidi
Fokus utama	Riwayah, bahasa, asbab al-nuzul	Analisis tematik dan hikmah tarbiah
Watak teguran	Penjelasan konteks tindakan	Pendidikan rabbani melalui qudwah
Orientasi aplikasi	Terhad kepada maksud & konteks	Penegasan implikasi pedagogi

ii. Al-Qurtubi (w. 671 H) - *Al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an*

Al-Qurtubi (2021) menonjolkan dimensi hukum, adab dan *ta'dib Ilahi* dalam mentafsir ayat-ayat *'itab* terhadap Rasulullah SAW. Dari sudut tujuan teguran, beliau menegaskan bahawa teguran Ilahi terhadap Rasulullah SAW bukanlah celaan yang merendahkan martabat Baginda, tetapi suatu bentuk pemuliaan dan pendidikan rabbani yang memperhalus adab wahyu serta memandu umat memahami kedudukan Rasulullah SAW secara benar. Penegasan ini memperlihatkan bahawa *'itab*, menurut al-Qurtubi, berfungsi dalam kerangka *ta'dib Ilahi* yang menzahirkan hikmah, rahmah dan bimbingan, bukannya penghinaan terhadap maqam kerasulan.

Dari sudut dimensi analisis, al-Qurtubi mengaitkan ayat-ayat *'itab* dengan perbahasan fiqh, adab, dan *istinbat* hukum, sesuai dengan corak tafsir beliau yang luas dalam menghuraikan implikasi normatif ayat. Beliau tidak sekadar menjelaskan makna lafaz dan konteks, tetapi turut menyingkap pengajaran adab dan kesan hukum yang boleh difahami daripada susunan teguran tersebut. Hal ini menjadikan tafsir al-Qurtubi lebih menonjol pada aspek pembinaan disiplin akhlak dan pengukuhan kerangka normatif Islam.

Dari sudut relevansi aplikasi, pendekatan al-Qurtubi lebih bersifat umum untuk panduan adab dan hukum, iaitu memberi asas kepada pembentukan kefahaman umat tentang cara menerima teguran Ilahi, menjaga adab terhadap Rasulullah SAW dan memahami hikmah wahyu dalam konteks kehidupan beragama. Walau bagaimanapun, aplikasi tersebut belum dihuraikan secara langsung dalam bentuk pedagogi pendidikan yang sistematik. Berbeza dengan itu, al-Khalidi (2013) menerima asas tafsiran ini, namun memperluaskannya ke dalam kerangka pendidikan kontemporari dengan menekankan unsur muhasabah, tazkiyah, pembinaan jiwa dan psikologi pendidikan. Dalam hal ini, ayat-ayat *'itab* tidak lagi dibaca hanya pada aras fiqh dan adab, tetapi turut ditafsirkan sebagai asas pembinaan pendidik dan pelajar yang berjiwa rabbani, reflektif dan berakhlak.

Jadual 2: Perbandingan Tafsir Al-Qurtubi dan pandangan Al-Khalidi

Aspek	Fokus Al-Qurtubi	Pandangan al-Khalidi
Tujuan teguran	<i>Ta'dib Ilahi</i> & adab wahyu	Pedagogi rabbani & pembinaan jiwa
Dimensi analisis	Fiqh dan adab	Tarbiah dan psikologi pendidikan
Relevansi aplikasi	Umum untuk adab/hukum	Aplikasi pendidikan Islam semasa

iii. Ibn Kathir (w. 774 H) — Tafsir al-Qur'an al-'Azim

Ibn Kathir (1999) mengutamakan riwayat hadis, *athar* dan tafsir *bi ma'thur* dalam menghuraikan ayat-ayat *'itab* terhadap Rasulullah SAW. Dari sudut pendekatan, beliau menafsir ayat dengan berpandukan al-Quran, hadis, riwayat sahabat dan tabi'in, serta menghubungkan ayat dengan konteks sirah bagi memastikan maksud teguran difahami secara sahih. Pendekatan ini menjadikan tafsir Ibn Kathir sangat kuat dalam memelihara asas makna, susunan riwayat dan kesinambungan penjelasan antara nas dengan latar peristiwa.

Dari sudut nilai utama, Ibn Kathir menegaskan bahawa ayat-ayat *'itab* sama sekali tidak menjejaskan prinsip kemaksuman dan kemuliaan Rasulullah SAW. Sebaliknya, susunan wahyu yang mendahulukan unsur rahmah, kelembutan dan hikmah sebelum teguran menunjukkan pemuliaan Allah terhadap NabiNya. Hal ini memperlihatkan bahawa teguran Ilahi bukan bersifat kecaman, tetapi satu bentuk pengarahannya yang tetap memelihara maqam Rasulullah SAW sebagai qudwah tertinggi bagi umat.

Dari sudut tujuan aplikasi, Ibn Kathir lebih tertumpu kepada usaha menjelaskan maksud ayat dan mempertahankan maqam Rasulullah SAW daripada salah faham. Tafsiran beliau berfungsi sebagai asas kefahaman akidah dan adab yang betul terhadap nubuwwah, di samping menutup ruang tafsiran liar yang boleh menjejaskan kemuliaan Baginda. Namun demikian, aplikasi ini lebih tertumpu pada pembelaan makna dan pemeliharaan prinsip, tanpa diperluas secara khusus kepada kerangka pendidikan yang bersifat sistematik.

Sebaliknya, al-Khalidi (2013) menerima asas tersebut tetapi mengembangkannya dengan pendekatan yang lebih tematik, analitik dan tarbawi. Beliau bukan sahaja menegaskan unsur muraqabah dan muhasabah dalam ayat-ayat *'itab*, bahkan menampilkan gaya teguran Ilahi sebagai model pedagogi rahmah yang membentuk etika komunikasi, budaya menerima nasihat dan disiplin pembinaan jiwa. Dalam konteks ini, al-Khalidi mentafsir ayat-ayat *'itab* sebagai asas kerangka

tarbiah untuk umat, khususnya dalam membentuk guru dan pelajar yang reflektif, beradab dan bertanggungjawab.

Jadual 3: Perbandingan Tafsir Ibn Kathir dan pandangan Al-Khalidi

Aspek	Fokus Ibn Kathir	Pandangan al-Khalidi
Pendekatan	<i>Riwayah</i> dan hadis	Tematik, analitik & tarbawi
Nilai utama	Kemaksuman dan kemuliaan Nabi	Muraqabah, muhasabah & pedagogi rahmah
Tujuan aplikasi	Menjelas maksud dan mempertahankan maqam	Membangun kerangka tarbiah untuk umat

Jika diteliti secara lebih dekat, ketiga-tiga jadual di atas memperlihatkan satu pola yang konsisten. Al-Tabari menyediakan asas *riwayah* dan konteks sejarah yang kukuh. Al-Qurtubi pula memperhalus dimensi adab dan ta'dib Ilahi, manakala Ibn Kathir menegaskan unsur kemaksuman serta kehalusan komunikasi wahyu. Namun, sumbangan al-Khalidi terletak pada langkah seterusnya, iaitu mengubah hasil tafsiran tersebut menjadi kerangka pendidikan yang lebih aplikatif. Dengan kata lain, beliau tidak berhenti pada penjelasan “apa yang berlaku” dalam ayat-ayat *‘itab*, tetapi menyoal “apa yang boleh dipelajari” daripadanya untuk pembinaan pendidik, pelajar dan budaya institusi. Peralihan daripada tafsiran deskriptif kepada tafsiran tarbawi inilah yang menjadikan pendekatan al-Khalidi relevan untuk pendidikan Islam semasa. Oleh sebab itu, jadual-jadual perbandingan tersebut perlu dibaca bukan sekadar sebagai ringkasan teknikal, tetapi sebagai bukti bahawa al-Khalidi memperluas warisan tafsir klasik ke arah pembentukan pedagogi rabbani yang lebih reflektif, empatik dan berorientasikan islah (al-Tabari, 2001; al-Qurtubi, 1967; Ibn Kathir, 1999; al-Khalidi, 2012; al-Khalidi, 2013).

5.3 Analisis Perbandingan Menyeluruh

Perbandingan ini menunjukkan bahawa tafsir klasik dan tafsir kontemporari bergerak dalam paksi yang sama, iaitu memelihara kefahaman umat tentang maqam kenabian serta adab wahyu. Namun demikian, kedua-duanya berbeza pada keluasan aplikasi tarbiah. Mufassir klasik seperti al-Tabari, al-Qurtubi dan Ibn Kathir menyediakan asas yang kukuh melalui penjelasan bahasa, *riwayat*, *asbab al-nuzul* serta prinsip adab dan hukum. Asas ini penting untuk memandu pembacaan yang sahih dan menutup ruang tafsiran liar yang menjejaskan kemuliaan Rasulullah SAW.

Sebaliknya, al-Khalidi memperlihatkan peluasan yang lebih ketara dari sudut pendidikan apabila ayat-ayat *‘itab* ditafsirkan sebagai kerangka tarbiah yang sistematik. Beliau menonjolkan bahawa wahyu bukan hanya meluruskan peristiwa, bahkan membentuk manusia melalui prinsip rahmah, hikmah, disiplin moral dan muhasabah.

Kesimpulannya, pendekatan al-Khalidi memperkaya tradisi tafsir dengan memposisikan ayat-ayat *‘itab* sebagai sumber pendidikan yang membina budaya menerima nasihat, mengukuhkan muraqabah dan membentuk etika komunikasi serta koreksi dalam proses tarbiah. Dalam konteks pendidikan Islam kontemporari, pendekatan ini menyediakan landasan yang lebih aplikatif untuk latihan guru dan pembinaan pelajar berakhlak, reflektif serta bertanggungjawab.

Jadual 4: Perbandingan Menyeluruh

Dimensi	Mufassir Klasik	Al-Khalidi
Pendekatan	<i>Riwayah</i> , bahasa, fiqh/adab	Tematik, analitik dan tarbawi
Tujuan utama	Menjelas makna ayat & konteks	Mengambil hikmah pendidikan secara tersusun
Fokus terhadap Rasul	Maksum, mulia dan terpelihara	Qudwah pedagogi rabbani untuk umat
Sumbangan utama	Asas tafsir tradisional	Integrasi tafsir dan pedagogi Islam

6. IMPLIKASI PENDIDIKAN DAN RELEVANSI PEDAGOGI ISLAM

6.1 Teguran Ilahi sebagai Model Pendidikan Rabbani

Konsep *'Itab al-Rasul* sebagaimana dihuraikan oleh al-Khalidi menampilkan satu dimensi penting dalam pendidikan Islam, iaitu teguran Ilahi terhadap Rasulullah SAW bukan sekadar peristiwa wahyu yang bersifat sejarah, bahkan merupakan model pedagogi rabbani yang berasaskan rahmah, hikmah dan pembaikan diri. Dalam kerangka ini, Allah SWT. menjadi *al-Mu'allim al-A'zam* yang mendidik Rasul-Nya melalui wahyu, lalu membentuk qudwah pendidikan yang dapat diteladani oleh umat. Ibn Khaldun (2004), dalam *al-Muqaddimah*, menegaskan bahawa asas pendidikan rabbani ialah pembentukan jiwa dan adab, bukan sekadar transmisi ilmu.

Model pendidikan rabbani yang dapat dirumuskan daripada ayat-ayat *'itab* memperlihatkan tiga ciri utama, iaitu rahmah, hikmah, serta *islah* dan *tazkiyah*. Prinsip-prinsip ini menunjukkan bahawa pembetulan yang berkesan bermula dengan pemulihan hubungan, bukan penegasan hukuman semata-mata.

Sejajar dengan prinsip ini, tradisi pendidikan Islam menegaskan bahawa proses pembentukan insan mesti bergerak dalam kerangka adab dan pemurnian jiwa. Dalam konteks kajian ini, *'Itab al-Rasul* dapat dibaca sebagai contoh tertinggi pendidikan yang mendidik dengan memuliakan, bukan dengan memalukan.

6.2 Nilai-nilai Pedagogi daripada *'Itab al-Rasul*

Nilai pertama ialah kasih sayang (*al-Mahabbah*), yang menjadi asas kepada setiap bentuk teguran Ilahi. Teguran Allah terhadap Rasulullah S.A.W. sering didahului dengan ungkapan yang memelihara kemuliaan Baginda. Hawwa (1998), melalui *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*, menghuraikan konsep *ta'lim bi al-mahabbah* sebagai pendekatan mendidik dengan cinta dan kelembutan. Dalam konteks pendidikan, guru perlu meniru pendekatan ini dengan menegur pelajar secara empati dan mengelakkan bahasa yang menjatuhkan harga diri murid.

Nilai kedua ialah hikmah (*al-Hikmah*), iaitu kebijaksanaan dalam menyampaikan teguran mengikut keadaan dan tahap penerima. Al-Qurtubi (1967) menunjukkan bahawa pembetulan wahyu berlaku secara halus dan tepat pada waktunya. Prinsip ini mengajar bahawa guru hendaklah bijak menyesuaikan pendekatan pengajaran dan teguran dengan tahap emosi serta kognitif pelajar agar pendidikan berlaku dalam suasana mendidik, bukan menekan.

Nilai ketiga ialah muhasabah atau refleksi diri. Rasulullah S.A.W. menerima setiap teguran Ilahi dengan reda dan menjadikannya ruang muhasabah untuk mempertingkatkan amal serta menjadi pengajaran kepada umat (Al-Tabari, 2001). Dalam pendidikan, budaya refleksi ini dapat diterapkan melalui latihan *self-assessment*, jurnal reflektif dan perbincangan pascaaktiviti supaya murid belajar menilai tindakan serta membina kesedaran diri.

Nilai keempat ialah tanggungjawab (*al-Mas'uliyah*), yang terserlah melalui kepekaan Rasulullah terhadap amanah kenabian yang dipikulnya. Setiap teguran Ilahi mengingatkan Baginda tentang beban risalah yang perlu dijalankan dengan penuh kesedaran dan kejujuran. Nilai ini amat penting untuk ditanam dalam diri guru sebagai *murabbi* agar mereka sedar bahawa tugas mendidik bukan sekadar tanggungjawab profesional, tetapi juga amanah Ilahi yang memerlukan keikhlasan dan integriti.

Nilai kelima ialah keterbukaan terhadap nasihat (*al-Insaf*). Rasulullah S.A.W menunjukkan teladan yang luar biasa apabila menerima teguran Ilahi tanpa rasa tersinggung dan tanpa menolak, bahkan menjadikannya pedoman kepada umat (Ibn Kathir, 1999). Nilai ini harus dijadikan budaya dalam institusi pendidikan agar wujud suasana terbuka dan positif terhadap teguran.

Secara keseluruhan, nilai-nilai ini mengubah paradigma pengajaran daripada bersifat arahan sehala kepada pendekatan pendidikan reflektif dan empatik, selaras dengan prinsip *murabbi rabbani*. Jika dirumuskan secara pedagogi, '*itab* mengajar prinsip membetulkan dengan memuliakan, iaitu mendidik dengan menjaga maruah dan menegaskan tujuan pembaikan, bukan penghukuman.

6.3 Aplikasi Konsep '*Itab al-Rasul* dalam Konteks Guru dan Murid

Dalam konteks pendidikan Islam semasa, prinsip '*Itab al-Rasul* boleh diaplikasikan melalui tiga dimensi utama, iaitu peranan guru, peranan murid dan budaya institusi. Ketiga-tiga dimensi ini saling melengkapi dalam membina ekosistem tarbiah yang berteraskan rahmah, hikmah dan disiplin moral. Peranan guru Muslim bukan sekadar penyampai ilmu, bahkan berperanan sebagai *murabbi*, *mu'allim*, *muaddib*, *mudarris* dan *mursyid* yang bertanggungjawab membentuk akhlak, sahsiah dan jiwa pelajar (Mohd Noor et al., 2021; Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2017). Sehubungan itu, teguran yang diberikan kepada pelajar hendaklah berasaskan pendekatan hikmah, *mau'izah hasanah*, keteladanan akhlak, serta sifat sopan dan beretika, bukan kemarahan atau penghinaan (Sahrin & Abdul Ghani, 2022; Wahap et al., 2025). Sikap Rasulullah S.A.W. yang menerima teguran Ilahi dengan penuh reda menjadi teladan kepada pelajar untuk sentiasa terbuka terhadap maklum balas guru. Melalui proses refleksi berterusan seperti latihan muhasabah, refleksi tugas dan dialog ilmiah, pelajar akan menjadi individu yang berakhlak, rasional dan matang dalam membuat keputusan.

Institusi pendidikan Islam juga wajar membangunkan budaya '*itab bi al-hikmah*, iaitu sistem yang menggalakkan guru dan pelajar saling menegur secara beradab dan konstruktif. Budaya ini menghapuskan persepsi negatif terhadap teguran yang sering disamakan dengan hukuman, lalu mewujudkan komunikasi pendidikan yang selamat dan berorientasikan pembaikan.

6.4 Hubungan dengan Falsafah Pendidikan Islam dan Malaysia MADANI

Konsep '*Itab al-Rasul* turut menzahirkan prinsip yang seiring dengan Falsafah Pendidikan Islam dan aspirasi Pendidikan Malaysia MADANI. Dari perspektif FPI, teguran Ilahi relevan apabila dihubungkan dengan keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek dalam pembentukan insan. Ia mendidik manusia agar tunduk kepada kebenaran dan menjadikan kesilapan sebagai peluang untuk kembali kepada jalan yang betul.

Dalam konteks Malaysia MADANI, nilai kasih (*ihsan*), hormat (*adab*) dan amanah (*mas'uliyah*) yang diterapkan melalui prinsip '*Itab al-Rasul* menyumbang kepada pembinaan masyarakat penyayang dan beretika. Teguran yang berasaskan hikmah dan kasih menumbuhkan rasa tanggungjawab moral dan spiritual dalam diri warga pendidikan.

Karya Salah al-Khalidi boleh dijadikan asas pembinaan modul pedagogi rabbani yang mencontohi metode teguran Ilahi yang berasaskan kasih, berhemah dan berorientasikan pembangunan akhlak. Aplikasi nilai ini dalam kurikulum dan latihan guru di institusi pendidikan akan memperkukuh jati diri pendidik sebagai seorang *murabbi*.

7. KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian ini merumuskan bahawa konsep *'Itab al-Rasul* sebagaimana dihuraikan oleh Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi merupakan manifestasi *ta'dib* Ilahi yang sarat dengan rahmah, hikmah dan tujuan pembinaan insan. Teguran Ilahi terhadap Rasulullah SAW tidak boleh difahami sebagai celaan atau penafian kemaksuman, sebaliknya perlu dibaca sebagai mekanisme pendidikan rabbani yang memuliakan maqam kenabian, memperhalus keputusan dan keutamaan dakwah serta membimbing umat melalui qudwah Rasulullah SAW.

Dari sudut perbandingan, tafsir klasik seperti al-Tabari, al-Qurtubi dan Ibn Kathir menyediakan asas yang kukuh melalui penjelasan riwayat, bahasa dan konteks. Namun demikian, pendekatan al-Khalidi memperluas perbincangan tersebut dengan menampilkan dimensi tafsir tarbawi yang lebih tersusun, iaitu menghubungkan ayat-ayat *'itab* dengan nilai pendidikan seperti muhasabah, muraqabah, keterbukaan menerima nasihat, disiplin moral dan etika komunikasi didik.

Secara teorinya, kajian ini memposisikan *'Itab al-Rasul* bukan sekadar isu teologis atau perbincangan kemaksuman, tetapi sebagai kerangka konseptual pedagogi rabbani. Dari sudut amali pula, kajian ini menzahirkan implikasi pendidikan yang jelas untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan Islam kontemporari, khususnya dalam pembinaan peranan guru sebagai *murabbi* dan pelajar sebagai insan reflektif.

Kajian ini bagaimanapun tertumpu kepada analisis kandungan karya al-Khalidi serta perbandingan terpilih dengan tafsir klasik. Oleh itu, kajian lanjutan dicadangkan dalam beberapa bentuk, antaranya pembangunan modul latihan guru berasaskan prinsip pedagogi rabbani daripada *'Itab al-Rasul*, kajian perbandingan yang lebih luas dengan mufassir moden lain, kajian interdisiplin dalam psikologi pendidikan Islam dan pembinaan kerangka pedagogi rabbani khusus untuk latihan guru.

RUJUKAN

- Abu 'Ubaydah, M. (2022). *Al-Shaykh Salah al-Khalidi: Rihlah al-'Ilm wa al-Da'wah*. Al-Jazeera Online.
- Ahmad, S. S., & Tengku Kasim, T. S. A. (2017). Peranan guru Pendidikan Islam dalam pembinaan sahsiah pelajar: Satu tinjauan awal terhadap guru Pendidikan Islam di daerah Marang, Terengganu. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(2), 36–53. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/14519/8873>
- Al-'Alimi, R. S. (2023). Qiyam Tarbawiyah wa Da'awiyah Mustafadah min 'Itab Allah Ta'ala Uli al-'Azmi min al-rusul 'ala daw'i dirasat al-Ayat al-Qur'aniyyah. *Majallah Abhath*, 10(2), 1–35. <https://ojs.abhath-ye.com/index.php/OJSABAHATH-YE/article/view/458>
- Al-Janabi, S. A. (2014). *Al-Ishkalat al-Mutharah 'ala 'Ismat al-Rasul Muhammad صلى الله عليه وآله وسلم fi al-nass al-Qur'ani: Qira'ah bi manhaj al-tahlil al-dalali*. Hawliyyat al-Muntada li al-Dirasat al-Insaniyyah, 18(7), 57–102.
- Al-Khalidi, S. 'A. (1981). *Sayyid Qutb wa al-Tafsir al-Fanni fi al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Manar.
- Al-Khalidi, S. 'A. (2012). *Manhaj al-Tarbiyah al-Qur'aniyyah*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Khalidi, S. 'A. (2013). *'Itab al-Rasul fi al-Qur'an: Tahlil wa Tawjih*. Dimasyq: Dar al-Qalam.

- Al-Qurtubi, M. b. A. (2021). *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Muassasah Al-Risalah.
- Al-Tabari, M. b. J. (2001). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Bint al-Shati', 'A'ishah 'Abd al-Rahman. (1970). *Al-Tafsir al-Bayani li al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Ma'rif.
- Hassan, W. A. D. M. (2022). *'Itab Allah li khatam al-anbiya' wa al-mursalin fi daw' al-Qur'an al-karim: Dirasah Mawdu'iyah*. Hawliyyat Kulliyat Usul al-Din bi al-Qahirah, 36(1).<https://doi.org/10.21608/bfarc.2022.291619>
- Hawwa, S. (1998). *Tarbiyyatuna al-Ruhiyyah*. Amman: Maktabah al-Manar.
- Ibn Kathir, 'I. I. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Khaldun, 'A. (2004). *Al-Muqaddimah*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Mohd Noor, N. E., Tengku Kasim, T. S. A., & Md. Yusoff, Y. (2021). Peranan guru dalam pelaksanaan e-pembelajaran Pendidikan Islam menurut perspektif al-Ghazali. *Journal of Islamic Educational Research*, 6, 52–63.
- Muhammad al-Ghazali. (1991). *Nahw Tafsir Mawdu'i li Suwar al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Rima Annisa, & Zulihafnani. (2020). Konteks Teguran Allah terhadap Nabi Muhammad dalam al-Qur'an. *Journal of Quranic Studies*, 5(1).
- Sahrin, S., & Abdul Ghani, M. Z. (2022). Pendekatan al-Muaddib dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 241–259. <https://jpi.uis.edu.my/index.php/jpi/article/view/228/166>
- Sayyid Qutb. (1986). *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Shuruq.
- Umar, 'A. R. (2005). Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi: *Manhajuhu fi al-Tafsir*. Majallah al-Dirasat al-Islamiyyah, 12(3), 44–67.
- Zuraidah A. R., & Zainal A. M. (2021). Pendekatan Tarbiah Rabbani dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Islam*, 36(1), 101–120.

Shamsiah binti Daud (Corresponding author)
Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM)
Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan (IPGKSM),
Besut 22200, Terengganu. MALAYSIA
Email: drshamsiah@ipgmksm.edu.my

Mohd Yusri bin Yusuf
SK Bukit Kenak,
22000 Jertih, Terengganu. MALAYSIA
Email: yusree75@yahoo.com